

09/09/1999

Pusat pengembangan bioteknologi

CANGGIH ... Pusat Teknologi Pintar UKM-MTDC (gambar) yang dibina di kawasan seluas 2.4 hektar di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi menyediakan ruang dan kemudahan fizikal bagi pengembangan bidang bioteknologi dan teknologi maklumat seperti yang disarankan dalam Pelan Induk Perindustrian Kedua Malaysia.

Pusat itu dibina dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia membolehkan perbelanjaan RM8 juta, membolehkan syarikat yang menyewa di pusat berkenaan menggunakan kepakaran serta peralatan yang ada di UKM bagi membantu perkembangan perniagaan mereka.

Selain itu, penubuhannya juga turut memberi manfaat kepada UKM kerana membolehkan pensyarah universiti itu terbabit secara langsung dalam kegiatan penyelidikan dengan syarikat penyewa di samping memberi peluang pelajarannya menjalani latihan industri.

Pusat itu akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena lawatannya ke universiti itu, esok.

Selain itu beliau akan turut berdialog bersama kira-kira 4,000 pelajar UKM pada sebelah petangnya.

(END)